



**KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI**



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO



KANDUNGAN

1. **PENGENALAN**
2. **TUJUAN**
3. **OBJEKTIF**
4. **PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO KPPK**
5. **TATACARA PERMOHONAN**
6. **SYARAT-SYARAT / KRITERIA PERMOHONAN**
7. **PEMATUHAN PENGANJUR TERHADAP PENGGUNAAN LOGO**
8. **PANDUAN PENGGUNAAN LOGO KPPK**
9. **CARTA ALIR KELULUSAN PENGGUNAAN LOGO KPPK**
10. **PENUTUP**
11. **LAMPIRAN CONTOH**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO KPPK

1. PENGENALAN

1.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 November 2016 dan Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2016 menetapkan berhubung penggunaan lambang Kerajaan Persekutuan (Jata Negara) sebagai logo rasmi bagi semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Justeru itu, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah menyediakan Garis Panduan ini bagi menggambarkan keseragaman dan kesatuan digunakan bagi semua urusan rasmi KPPK.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur dan ketetapan kepada individu, NGO, syarikat dan agensi kerajaan untuk kelulusan penggunaan KPPK bagi penganjuran program serta kegunaan-kegunaan lain di Malaysia dan peringkat antarabangsa.
- 2.2 Mewujudkan mekanisme yang sistematik bagi memproses dan memberikan kelulusan permohonan penggunaan logo KPPK.
- 2.3 Menggariskan peranan dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam proses penggunaan logo KPPK.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan penggunaan logo KPPK digunakan untuk penganjuran program serta perkara-perkara lain yang mendapat pengiktirafan, diyakini dan memberi impak positif kepada masyarakat.

- 32 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi KPPK melalui penggunaan logo secara wajar dan bersesuaian.
- 33 Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan logo KPPK.
- 34 Melindungi logo KPPK daripada dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

4. PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO KPPK

- 4.1 Borang permohonan penggunaan logo KPPK yang lengkap diisi bersama dokumen sokongan yang berkaitan mestilah dihantar kepada Unit Komunikasi Korporat, KPPK untuk mendapatkan kelulusan dan kebenaran **secara bertulis**.

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Memuat turun dokumen Garis Panduan Permohonan Penggunaan Logo KPPK serta memuat turun jata logo KPPK melalui laman sesawang <https://www.mpic.gov.my/mpi/muat-turun/jata>
- 5.2 Permohonan dengan mengemukakan borang permohonan yang lengkap diisi serta dokumen-dokumen berkaitan yang lain kepada Unit Komunikasi Korporat, KPPK.
- 5.3 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya **30 hari** sebelum tarikh penggunaan logo.
- 5.4 Keputusan permohonan akan diberikan secara bertulis dalam tempoh **1-14 hari bekerja**.
- 5.5 Semakan dan penelitian permohonan oleh Unit Komunikasi Korporat, KPPK ke atas borang serta dokumen-dokumen berkaitan yang telah dihantarkan.

- 56 Pemakluman keputusan penggunaan logo diberikan oleh Unit Komunikasi Korporat, KPPK secara bertulis kepada pemohon.
- 57 Pemantauan terhadap penggunaan logo oleh Unit Komunikasi Korporat, KPPK (mengikut keperluan)
- 58 Borang laporan penggunaan logo termasuklah penganjuran program yang lengkap dengan gambar-gambar mestilah dihantar oleh pihak pengguna logo kepada Unit Komunikasi Korporat, KPPK.

6. SYARAT-SYARAT / KRITERIA PERMOHONAN

- 6.1 Pemohon adalah sebuah Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan yang diiktiraf.
- 6.2 Pemohon adalah dalam kalangan mana-mana organisasi yang berdaftar sama ada di bawah Akta 582: Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998, Akta 551: Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996, Akta 105: Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerhdanan) 1973, Akta 343: Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1998, Akta 656: Akta Lembaga Lada Malaysia 2006, Akta 692: Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2009 dan Akta 666: Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007.
- 6.3 Pemohon yang terdiri daripada individu / orang perseorangan juga adalah layak untuk memohon dengan syarat hendaklah berkaitan sektor komoditi negara sahaja.
- 6.4 Program telah mendapat pengiktirafan atau kelulusan daripada pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi yang berkaitan.
- 6.5 Pemohon mempunyai keupayaan membiayai kos keseluruhan pelaksanaan program melalui sumber kewangan tersendiri atau melalui penaja-penaja.

- 6.6 Bagi penggunaan logo yang melibatkan program / acara / kejohanan atau apa-apa yang berkaitan, tarikh dan lokasi pelaksanaan mestilah telah dimuktamadkan.
- 6.7 Program dan inisiatif tidak melibatkan peserta daripada mana-mana negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia atau negara-negara yang mempunyai isu sensitif semasa. Sekiranya ada, penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak-pihak berkaitan terutama daripada Kementerian Luar Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
- 6.8 Program **anjaran bersama** KPPK dan agensi-agensi di bawahnya adalah tidak tertakluk kepada syarat-syarat permohonan ini.
- 6.9 KPPK dan agensi-agensi di bawahnya adalah tidak tertakluk kepada syarat-syarat permohonan ini.

7. PEMATUHAN PENGANJUR TERHADAP PENGGUNAAN LOGO

- 7.1 Penganjur tidak dibenarkan menuntut sebarang implikasi kos kewangan terhadap KPPK bagi pelaksanaan program yang telah diberikan kelulusan penggunaan logo KPPK.
- 7.2 Kebenaran penggunaan logo KPPK yang diberikan adalah bagi sesuatu tempoh terhad yang dinyatakan secara bertulis - tiada kelulusan terbuka diberikan.
- 7.3 Penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program yang mendapat kebenaran menggunakan logo KPPK agar tidak menjejaskan imej KPPK dan negara.
- 7.4 Penganjur akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiian atau kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan


peraturan berkaitan dengan penganjuran program yang telah mendapat kelulusan penggunaan logo KBS.

- 7.5 Penganjur wajib bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keperluan kewangan, teknikal dan lokasi program yang telah mendapat kelulusan penggunaan logo KPPK.
- 7.6 Penganjur hendaklah memastikan prosedur penganjuran program dan keselamatan dipatuhi sewajarnya.
- 7.7 Penganjur hendaklah memastikan setiap peserta luar negara memahami, mematuhi dan menghormati adat resam dan peraturan negara Malaysia.
- 7.8 KPPK berhak untuk menghentikan, menghalang dan membatalkan mana-mana individu dan entiti yang menyalahgunakan logo KPPK termasuk yang telah diberikan kelulusan dengan tanpa notis sekiranya ia didapati menyalahi undang-undang, atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya.
- 7.9 Pengguna logo KPPK adalah hanya diberikan kebenaran menggunakannya dengan tujuan sektor komoditi utama sahaja **tanpa melibatkan apa-apa tujuan komersial**.
- 7.10 KPPK adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa bentuk liabiliti, isu dan krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kebenaran penggunaan logo KPPK telah diberikan.
- 7.11 Penganjur adalah tertakluk kepada undang-undang Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

8. PANDUAN PENGGUNAAN LOGO KPPK

- 8.1 Penganjur yang membuat permohonan penggunaan logo KPPK dikehendaki mematuhi panduan penggunaan logo KPPK seperti di **Lampiran 1**.

9. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO KPPK



10. PENUTUP

10.1 Garis panduan ini terpakai bagi semua pihak yang terlibat dalam permohonan penggunaan logo KPPK.

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN LOGO KPPK

- 102 Borang Permohonan Penggunaan Logo KPPK adalah seperti di Lampiran 2.
- 103 Borang Laporan Program adalah seperti di **Lampiran 3**.

11. PENGHANTARAN BORANG

Setiap permohonan yang lengkap bolehlah dihantar melalui serahan tangan, pos atau e-mel ke:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

No. 15, Aras 8,

Persiaran Perdana

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62654 Putrajaya

Tel : +603 – 8880 3498

Faks : +603 – 8887 8205

E-mel : ukk@mpic.gov.my

PANDUAN PENGGUNAAN

CONTOH PENGGUNAAN LOGO (KEPALA SURAT)

Cetakan dan penggunaan kepala surat yang baharu adalah berdasarkan ketetapan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 1/2013 : Penyeragaman Format Kepala Surat Bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan.



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2013


**PENYERAGAMAN FORMAT KEPALA SURAT BAGI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI PERSEKUTUAN**

LAMPIRAN 1A

Format Kepala Surat Umum Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan

Kepala surat umum Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan perlu mengandungi elemen-elemen berikut :-

- a) Lambang Kerajaan Persekutuan (untuk Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan sahaja);
- b) Nama dan alamat Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan;
- c) Logo Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan (jika ada);
- d) Maklumat komunikasi (telefon, faksimili, dan laman web/portal);
- e) Garis pemisah.



CONTOH PENGGUNAAN LOGO DI KEPALA SURAT KPPK



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

No. 15, Aras 6-13, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62654 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 03-8000 8000

Faks: 03-8880 3482


03-8880 3483

Laman Web: www.mpic.gov.my

****Catatan :** Selaras dengan pelaksanaan Pusat Panggilan Malaysia (MOCC), agensi-agensi perlu mengubah suai nombor telefon kepada 03-8000 8000 apabila MOCC dilaksanakan sepenuhnya.

CONTOH PENGGUNAAN LOGO
(KAIN RENTANG &
KAD ATUR CARA)

CADANGAN LOGO PADA KAIN RENTANG



CADANGAN LOGO PADA GEGANTUNG

KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI

YB DATO' DR. RAJA MURTHOON BIN HOND NISOM
Pembantu Menteri, Melaka

YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
Menteri Perusahaan, Perlombongan dan Perdagangan

AMALAN BUDAYA NORMA BAHARU

HAPUSKAN RANTAIAN COVID-19

#kitajagakita #cegahcovid19 #staysafe

PENJARAKAN SOSIAL

Penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya 1 meter, belakang-bekinya 2 meter dalam semua keadaan.

DIGALAKKAN MEMAKAI TOPENG MUKA

Memakai face mask, digalakkan setiap masa.

MENGAMALKAN KEBERSIHAN DIRI

- Kecap mencuci tangan dengan sabun/hand sanitizer.
- Menggunakan kemudahan ini untuk pekerja dan pelanggan.
- Mastikan pembekalan (kantolngi pramix dibuat pada kadar kerap dan konsisten, sekurang-kurangnya 2 kali sehari.

AMALAN PENCEGAHAN PENYAKIT

- Mastikan terdapat protokol pemantauan penyakit dan pencegahan pemalaran penyakit.
- Kecemasan penyakit diwarikan setiap hari untuk mengenal pasti simptom Covid-19 termasuk pemeriksaan suhu badan.
- Sekiranya penjarakan sosial tidak boleh diamalkan, pekerja mesti menggunakan peralatan perlindungan diri (PPD) yang sesuai.
- Melaporkan kepada Jabatan Kesihatan sekiranya terdapat masalah mengenai pengkalan Covid-19.

ELAKKAN SEGALA BENTUK PERHIMPUNAN

- Aktifiti sosial yang melibatkan orang ramai seperti pertunjukkan perlu mangkal kawalan yang dibekalkan oleh Majlis Keselamatan dengan (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan semua ke-4 negara.

SILA IMBAS

Warga **CHaSe** Awam **mySejahtera**


@MYMPIMalaysia @mpic_my @mpic_my
CCTV MPIC https://www.mpic.gov.my

t : +60(3) 8000 8000 | f : 03-8000 3482 | e : webmaster@mpic.gov.my


KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)
No. 15, Arah 5-13, Persiaran Perdana, Phase 2, 62554 Putrajaya, MALAYSIA

CADANGAN LOGO PADA

KAD ATUR CARA



CONTOH PENGGUNAAN LOGO (SIJIL)



CONTOH PENGGUNAAN LOGO (KENDERAAN)

KENDERAAN SPANCO



Penggunaan Logo Pada
Pintu Sisi Kanan (Pemandu)



Penggunaan Logo
Pada Pintu Sisi Kiri

KENDERAAN JABATAN



Penggunaan Logo Pada
Pintu Sisi Kanan
(PEMANDU)



Penggunaan Logo Pada
Pintu Sisi Kiri

BAS




Penggunaan Logo Dan Tulisan Pada Sisi Kanan Bas



Penggunaan Logo Pada dan Tulisan Pada Sisi Kiri Bas

CONTOH PENGGUNAAN LOGO (KAD NAMA)

	
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK) NORKHANIZAN BINTI MANAF Pegawai Perhubungan Awam Unit Komunikasi Korporat	
No. 15 Aras 6-13 Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62654 Putrajaya, Malaysia http://www.mpic.gov.my	Tel : 03-8883 2948 Faks : 03-8889 3405 H/P : 012-311 xxxx E-mel : khanizan@mpic.gov.my

	
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES (MPIC) NORKHANIZAN BINTI MANAF Public Relations Officer Corporate Communications Unit	
No. 15 th Level 6-13 Boulevard, Precint 2 Federal Government Administration Center 62654 Putrajaya, Malaysia http://www.mpic.gov.my	Tel : 03-8883 2948 Fax : 03-8889 3405 H/P : 012-311 xxxx Emel : khanizan@mpic.gov.my

**Ini merupakan contoh penggunaan logo KPPK dalam kad nama dan bukan merupakan format 'standard' pengisian maklumat dalam kad tersebut (pengisian maklumat adalah mengikut kesesuaian)

